


PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 5.

RABU 4 MACH, 1964.

رابعو 20 شوال، 1383

PERCHUMA

PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI BAHARU PEGAWAI2 KANAN KERAJAAN

Dan Anggota2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam Ka-Manila

BERAKAS. — Empat orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei dan tiga orang anggota2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam Brunei telah berangkat ka-Manila dengan kapal terbang Cathay Pacific pada petang 24 Februari untuk memilih orang2 dari Philipina yang telah membuat permohonan hendak berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

Pegawai2 Kanan Kerajaan yang termal'om ia-lah Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoo bin Awang Damit; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche M. MacInnes; Timbalan Jurutera Negara Brunei, Inche Talib bin Derwish dan Juru Ukur Negara Brunei, Inche Yusof Lamin.

Tiga orang anggota2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam tersebut ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Awang Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor dan Inche George Newn Ah Foott.

Ramai Pegawai2 Kerajaan dan lain2-nya serta kebanyakan dari orang2 Filipina yang berada di-Negeri Brunei telah mengucapkan "Selamat berangkat ka-Manila dan selamat balek ka-Brunei" kepada beliau2 tersebut di-bangunan lapangan terbang Brunei di-Berakas sa-belum kapal terbang Cathay Pacific itu "Mengucapkan Selamat Tinggal" kepada Negeri Brunei pada petang hari tersebut.

76 ORANG LAGI DI-BEBASKAN

BUNUT.—Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Salleh bin Haji Masri, bagi pihak Kerajaan Brunei, telah merasmikan pembebasan 76 orang tahanan di-Pusat Pemulehan Bunut pada petang hari Sabtu 29 Februari.

Bekas orang2 tahanan itu telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan itu dan telah menghadhiri kursus tersebut sa-lama 10 hari.

Ini-lah kumpolan yang ke-23 orang2 tahanan yang telah menghadhiri kursus pemulehan di-Bunut.

Mereka itu mengandongi 60 orang Melayu, 6 orang Iban, 4 orang Murut, 2 orang China, 2 orang Dusun dan 2 orang Dusun Islam.

Dengan pembebasan 76 orang tahanan dari Pusat Pemulehan Bunut, maka orang2 tahanan yang telah di-bebaskan dari Pusat Pemulehan Bunut berjumlah seramai 1,230 orang.

MENGHADHIRI PESIDANGAN E. C. A. F. E. DI-TEHERAN

BERAKAS.—Setia Usaha Kerajaan, Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pengawal Kastam Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche Othman Chua Kwang Soon telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang 26 Februari dalam

PEPEREKSAAN TRENGKAS 3 ORANG DAPAT PINGAT EMAS

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penuntut yang telah memasuki Peperiksaan Trengkas Melayu dalam bulan Disember tahun 1963 di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute, telah berhasil memperolehi Pingat Emas.

Mereka ia-lah Puan Asmah binte Ali Ahmad dan Inche Zainal bin Mohamed Taha dari Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Sa-orang lagi penuntut yang

telah berjaya memperolehi Pingat Emas dalam peperiksaan tersebut ia-lah Inche Zainuddin bin Kula dari Pejabat Bandaran, Brunei.

Peperiksaan Trengkas tersebut telah di-bahagikan kepada tiga peringkat, ia-itu Peringkat Permulaan, Peringkat Menengah dan Peringkat Tertinggi.

PERINGKAT PERMULAAN
Penuntut2 yang telah berjaya dalam Peperiksaan Trengkas (Lihat Muka 5)



Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan kelihatan dalam gambar ini sedang merasmikan pembukaan Dewan Persatuan Melayu Keriam pada pagi hari Ahad 16 Februari. Berita pembukaan rasmi dewan tersebut telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 19 Februari, 1964.

MEMELOK UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Bilangan orang2 bukan Melayu yang telah memelok Ugama Islam di-Brunei tahun lepas lebeh banyak dari dalam tahun 1962.

Ini telah di-siarkan dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Sa-ramai 51 orang telah masuk Islam dalam tahun lepas berbanding dengan 48 orang dalam tahun 1962.

perjalanan ka-Teheran, Negeri Parsi untuk menghadhiri Persidangan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (E.C.A.F.E.) kali yang ke-20.

Persidangan Surohan Jaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh itu telah di-mulai pada hari Isnin 2 Mach dan akan tamat pada 17 Mach.

75 Orang Guru2 Pelateh Di-Pileh Berlateh Di-M.P.M.B.

BANDAR BRUNEI.—Seramai 75 orang guru2 pelateh, lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei telah di-pileh untuk berlateh sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Guru2 pelateh tersebut ia-lah: Fatimah binte Ahmad dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Rahmah binte Md. Daud dari Sekolah Melayu Pintu Malim, Rosnah binte Abd. Wahid dari Sekolah Melayu Sengkurong, Zainah binte Lakim dari Sekolah Melayu Sengkurong dan Wartini binte Haji Tuah dari Sekolah Melayu Gadong.

Zainah binte Abd. Wahab dari Sekolah Melayu Penanjong, Sanipon binte Ismail dan Ralilah binte Dagong dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Hasnah binte Haji Umar dan Hasnah binte Md. Yusof dari S.M. Sungai Kebun.

Halimah binte Nawang dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Murah binte Md. Tahir dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Mornie bin Md. Daud dari Sekolah Melayu Kiudang, Ibrahim bin Haji Metali dari Sekolah Melayu Sungai Kebun, Md. Yasin bin Tengah dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam.

A. Damit bin H. Hassan dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Md. Daud bin Ismail dari Sekolah Melayu Keriam, Abd. Rahman bin A. Rahim dari Sekolah Melayu Pintu Malim, Akif bin Edin dari Sekolah Melayu Telisai, Ahmad bin Ghani dari Sekolah Melayu Kati Mahar.

Mohsin bin Taha dari Sekolah Melayu Bengkurong, Othman bin Ghani dari Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ak. Tajuddin bin Pg. Md. Yassin dari S.M. Sultan Muhammad Jemalul Alam, Umar b. Ibrahim dari Sekolah Melayu Penanjong, Ak. Muhammad bin Pg. Sunting dari Sekolah Melayu Bokok.

Yahya bin Tahir dari Sekolah Melayu Danau, Ak. Muhammad b. Pg. Umar dari S.M. Sg. Liang, Tengah bin Besar dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Umar bin Manaf dari Sekolah Melayu Sungai Kebun, Ering bin Momin dari Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Kula bin Muhammad dari Sekolah Melayu Batu Apoi, Abu Bakar bin Adol dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Abd. Wahid bin Wahab dari Sekolah Melayu Danau, Md. Taim bin Ahmad dari Sekolah Melayu Layong, Md. Ali bin Tahir dari Sekolah Melayu Kupang.

Md. Yasin bin Md. Yusof dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Zahari bin Abd. Hamid dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Umar bin Abu Bakar dari Sekolah Melayu Baru2, Abd. Rahman bin Abd. Rahim dan Ak. Abdullah

bin Pg. Md. Saleh dari Sekolah Melayu Mahammad 'Alam.

Burut bin Tamit dari Sekolah Melayu Bukit Sawat, Muda bin Enja dari Sekolah Melayu Kampong Menengah, Md. Daud bin Ibrahim dari Sekolah Melayu Anggerek Desa, Ak. Shahbudin bin Pg. Ahmad dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Md. Tahir bin Yusuf dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam.

Othman bin Umar dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Julaihi bin Safar dari S. M. Muhammad 'Alam, Abdul Razak bin Idris dari Sekolah Melayu Lumapas, Md. Noor bin Laman dari S. M. Subok, Othman bin Haji Harith dari Sekolah Melayu Lima Manis.

Chulan bin Abdul Hamid dari Sekolah Melayu Birau, Abd. Karim bin Md. Zain dari Sekolah Melayu Labi, A. Ahmad bin Timbang dari Sekolah Melayu Sungai Kebun, Abd. Manaf bin Madin dari Sekolah Melayu Gadong, Hidup bin Bunal dari Sekolah Melayu Rampayoh.

Abd. Hamid bin Kalong dari

Sekolah Melayu Biang, Omarali b. Pateh Hj. Tengah dari Sekolah Melayu Kati Mahar, Abdul Rashid bin Ahmad dari Sekolah Melayu Birau, Ak. Mohiddin b. Pg. Manggong dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Seruji bin Labuan dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Bakir bin Hashim dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Zakaria bin Abdullah dari Sekolah Melayu Lamunin, Ak. Ali b. Pg. Abd. Rahman dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Misi bin Haji Besar dari S. M. Burong Pinggah Baharu, Metali bin Haji Ibrahim dari Sekolah Melayu Sengkurong.

Hassan bin Sabli dari Sekolah Melayu Kampong Bukit, Muhammad bin Zainal dari Sekolah Melayu Sungai Kebun, Haji Daud bin H. Besar dan Damit bin Muhammad dari Sekolah Melayu Pintu Malim, Abdullah bin Kalong dari Sekolah Melayu Sungai Kebun.

A. Hasan bin A. Damit dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Suhaili bin Umar dari Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Abdul bin Ahmad dari Sekolah Melayu Lamunin, Sulaiman bin H. Ahmad dari Sekolah Melayu Jerudong dan Ak. Othman bin Pg. Metahir dari Sekolah Melayu Lela Menchanai.

MAJLIS JAMUAN MENYAMBUT HARI RAYA

SERIA.—Kelab Melayu Shell telah mengadakan satu Majlis jamuan bagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri bertempat di Dewan kelab itu pada petang 22 Februari.

Yang Dipertua, Kelab Melayu Shell, Inche Rais bin Wahab telah memimpin majlis itu.

Inche Rais telah mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri serta ma'af dzahir dan batin kepada semua ahli2 Kelab Melayu Shell dan kepada para hadirin yang lain.

KEPUTUSAN PEPEREKSaan MENAIP

BANDAR BRUNEI.—Tiga orang penuntut telah lulus dalam Peperiksaan Menaip Peringkat Menengah yang telah diadakan dalam bulan Disember tahun 1963 di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute.

Mereka ia-lah Zainal Abidin bin Mohamed Tahir, Awangku Malek bin Pengiran Besar dan Tamit Hanafiah.

DARJAH2 TRENGKAS DAN MENAIP

BANDAR BRUNEI.—Darjah2 Trengkas dan Menaip telah dibuka mulai pada 24 Februari yang lalu di-empat buah pusat. Pusat2 itu ada-lah seperti di-bawah ini:

(a) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei bagi chalon2 dari Bandar Brunei.

(b) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait bagi chalon2 dari Kuala Belait.

(c) Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria bagi chalon2 dari Seria.

(d) Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong bagi chalon2 dari Tutong.

Semua orang yang telah mendaftarkan diri untuk belajar di-darjah2 tersebut ada-lah di-kehendaki hadir di-darjah2 tersebut, sa-kira-nya mereka belum lagi membuat demikian.

Orang2 yang berhajat hendak belajar di-darjah tersebut, akan tetapi mereka belum lagi mendaftarkan diri masing2, ada-lah di-minta mendaftarkan diri mereka di-darjah2 yang berkenaan dengan saberpada segera. Demikian menurut satu surat keliling yang di-terbitkan baharu2 ini oleh Pengarah, Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil.

Guru Besar Yang Baharu

BANDAR BRUNEI.—Puan Fothergill dari United Kingdom telah di-lantik baharu2 ini menjadi Guru Besar, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.

Puan Fothergill mempunyai pengalaman yang luas dalam jurusan pelajaran dan biasa menjadi Guru di-Sekolah2 Testam di-Singapura dan Africa.

PASOKAN PERTAMA CADET PANDU PUTERI



Satu Pasokan Cadet Pandu Puteri telah di-tubuhkan di-Maktab Perguruan Melayu Brunei tidak berapa lama dahulu di-bawah pimpinan Chegu Zawiyah Othman (duduk di-tengah barisan hadapan), sa-orang guru dari Malaya yang pada masa ini sedang mengajar di-tab Perguruan Melayu itu sudah pun tamat berlateh dalam ilmu perguruan di-maktab itu sa-lama tiga tahun dan kini sedang mengajar di-Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei. Sementara itu beberapa orang Guru2 Pelateh yang telah dipileh untuk belajar di-Maktab Perguruan Melayu Brunei akan menjadi ahli Pasokan Cadet Pandu Puteri itu.



**AWANG MOHAMED TAIB
DI-LANTEK MENJADI
PENOLONG
SETIA USAHA
KERAJAAN**

BANDAR BRUNEI.—Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, S.N.B., M.B.E., sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei telah di-lantek menyandang jawatan Penolong Setia Usaha Kerajaan Brunei mulai dari 18 Januari, 1964.

Beliau mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-bagai sa-orang Kerani di-Pejabat British Residen dalam bulan Oktober tahun 1934.

Kira2 enam tahun kemudian, Kerajaan Brunei telah menaikkan pangkat Awang Mohamed Taib sa-bagai sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei.

Beliau telah di-lantek menjadi Pegawai Daerah Belait dalam bulan Ogos tahun 1941 dan menjawat jawatan itu hingga ka tahun 1946.

Kemudian beliau telah di-lantek menjadi Setia Usaha kepada British Residen dan terus berkhidmat hingga-lah masa Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei, di-mashhorkan dalam bulan September, 1959 kerana pada masa itu jawatan British Residen di-mansukhkan dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-wakili di-Brunei oleh sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi British.

Sa-belum di-lantek menyandang jawatan Penolong Setia Usaha Kerajaan, Awang Mohamed Taib telah berkhidmat sa-bagai Pegawai Perjawatan, Brunei.

Awang Mohamed Taib telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Pingat, "Member of the British Empire"—M.B.E. dalam tahun 1958.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pula telah mengurniakan Pingat Setia Negara Brunei—S.N.B. kepada Awang Mohamed Taib dalam tahun 1963.

Awang Mohamed Taib mempunyai sa-orang anak lelaki bernama Abdul Rahman yang kini sedang melanjutkan pelajaran-nya di-Universiti Malaya dan sa-orang anak perempuan.

**Melawat Pusat2 Perchubaaan
Tanam2an Dan Ternakan**

KILANAS.—Sa-rombongan sa-ramai 14 orang penghulu2 dan ketua2 kampung dari Daerah Temburong telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an dan Ternakan di-Kilanas, Luahan dan Jerudong pada pagi hingga lewat tengah hari 27 Februari.

Dalam siri lawatan mereka itu, mereka telah di-bawa ka-kawasan2 perchubaaan tanam2an padi paya, buah2an, kolam pemeliharaan ikan dan ternakan binatang.

Mereka telah di-beri penerangan chara2 mengusahakan dan menjaga tanam2an dan ternakan2 tersebut oleh beberapa orang Pegawai dari Pejabat Pertanian.

Tuan Haji Salleh bin Adam, Ketua rombongan itu menyatakan rasa kepuasan hati ahli2 rombongan-nya kerana penerangan2 berharga yang telah di-

berikan oleh pegawai2 pertanian tersebut, terutama sekali chara2 bertanam padi paya yang mendatangkan hasil yang memuaskan.

Rombongan penghulu2 dan ketua2 kampung dari Daerah Temburong itu ada-lah terdiri dari orang2 Melayu, Murut, Iban dan China.

Ahli2 dalam rombongan melawat sambil belajar itu menyatakan keazaman mereka untuk menchurahkan kapada anak2 kampung mereka hasil dari lawatan yang julong2 kali di-adakan dan di-kelolakan oleh Pejabat Daerah Temburong.



Gambar ini telah di-ambil di-Pusat Perchubaaan Tanam2an di-Kilanas pada masa lawatan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dari Temburong pada pagi 27 Februari, 1964.

**MASHUARAT AGONG
KELAB MELAYU SHELL**

SERIA.— Inche Rais bin Wahab telah di-lantek sa-mula oleh Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sa-bagai Yang Dipertua, Kelab Melayu Shell, Seria.

Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah juga melantek sa-mula Inche Mohamed bin Noor sa-bagai Pengelola, Kelab Melayu Shell dan Inche Phan Nee Man sa-bagai Bendahari kelab itu.

Lantekan2 tersebut telah disahkan dalam Mashuarat Agong Sharikat Minyak Shell yang telah di-adakan di-dewan Kelab Melayu Shell pada petang hari Juma'at 28 Februari.

Pegawai2 baharu Kelab Melayu Shell yang telah di-pilih oleh ahli2-nya dalam Mashuarat Agong tersebut untuk tahun 1964/1965 ada-lah saperti dibawah ini:

Setia Usaha—Tuan Haji Abdul Rahman.

Ahli2 Jawatan Kuasa— Inche Joll Leece, Inche Mat Yassin, Pengiran Salleh, Inche Mat Tamin, Inche Yusop Junah dan Inche Wan Hill.

Majlis tersebut telah di-mulai dengan ucapan oleh Inche Rais bin Wahab, dengan sifat beliau sa-bagai Yang Dipertua, Kelab Melayu Shell bagi tahun 1963/1964.

Inche Rais telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua Ahli2 Jawatan Kuasa kelab itu dan juga semua ahli2 kelab tersebut yang telah bekerjasama dalam berbagai2 lapangan untuk faedah dan kemajuan Kelab Melayu Shell.

Dalam ucapan-nya, Inche Rais telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih bagi pehak Kelab Melayu Shell kepada Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei dan kepada Jabatan Penerangan, Sharikat Minyak Shell yang telah mengadakan pertunjukan wayang gambar di-Kelab Melayu Shell dalam tahun yang lalu.



INCHE A. D. BUMFORD

**DI-LANTEK SA-BAGAI
PENASEHAT
LATEHAN
PERGURUAN**

BANDAR BRUNEI.— Inche Alfred Dewi Bumford, berumur 54 tahun, sa-orang pakar pelajaran yang telah berkhidmat sa-bagai Professor Bahasa Inggeris di-Universiti Cairo sa-lama enam tahun serta juga berkhidmat sa-bagai Pengetua Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan selama enam tahun telah di-lantek sa-bagai Penasehat Latehan Perguruan di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Beliau telah tiba di-Brunei dari England pada awal bulan Februari dan pada masa ini bertugas di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Dalam satu wawanchara dengan Inche Dewi Bumford, beliau berkata kepada sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bahawa ia telah mulai berkhidmat di-lapangan pelajaran sa-bagai Pegawai Pelajaran di-Palestine mulai pada tahun 1932 hingga ka-tahun 1940.

Sa-lepas itu ia telah berkhidmat dengan Tentera Inggeris di-India dan di-Timor Tengah selama enam tahun pada masa berlaku peperangan dengan mendapat pangkat sa-bagai sa-orang Major.

Kemudian dari tahun 1946 hingga ka-tahun 1952, Inche Bumford telah berkhidmat sa-bagai Professor Bahasa Inggeris di-Universiti Cairo.

Sa-telah tamat perkhidmatannya di-Universiti Cairo beliau telah berkhidmat sa-bagai Guru Besar, Kajang High School di-Selangor; Guru Besar Clifford School, Kuala Kangsar dan sa-bagai Nadzir Sekolah2 Inggeris Saluroh Malaya.

Mulai dari tahun 1957 hingga ka-tahun 1963, Inche Bumford telah berkhidmat sa-bagai Pengetua, Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan.

Inche Bumford menerangkan lagi bahawa ia telah lulus dari Universiti Wales dan juga Universiti London. Kemudian ia telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Tanah Jajahan Inggeris di-Lapangan Pelajaran 32 tahun dahulu.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu III

ASAL USUL KITA DENGAN KEBUDAYAAN TERSENDIRI

PADA keseluruhan-nya kebudayaan kita di-Brunei ini boleh-lah saya katakan sa-dikit benar menerima pengaruh asing (moden). Dari berbagai jurusan maseh lebeh banyak mempunyai keaslian yang terasing dan tersendiri.

Sa-pintas lalu kebudayaan kita dapat-lah di-bahagi kapada tiga bahagian atau peringkat:

- ◆ Kebudayaan asli (tulin),
- ◆ Kebudayaan keagamaan, dan
- ◆ Kebudayaan moden.

(Saya akan perkatakan ketiga2 peringkat kebudayaan ini kemudian).

Sa-bagaimana yang kita sedia tahu bahawa kita di-Brunei ini ada mempunyai berbagai2 jenis kebudayaan yang terta'alok dalam lengkongan ketiga2 peringkat di-atas. Bagi memperkatakan jenis2 itu pula, ada baik-nya kita mengenal asal usul orang2 Melayu dan khas-nya penduduk2 di-negeri kita ini lebeh dahulu.

Bangsa Melayu jati sa-benar-nya berasal dari penduduk asli Semenanjung Tanah Melayu, ia itu kumpulan negeri2 Melayu yang telah menjadi beberapa buah kerajaan besar zaman dahulu sa-sudah musnah-nya Kerajaan Sri-Vijaya yang mula muncul dalam abad yang ke-8 dan kemudian-nya Kerajaan Majapahit.

Kerajaan Majapahit telah melemahkan Kerajaan Sri Vijaya dan mula berkembang dalam abad yang ke-13.

BRUNEI TUA

Dari beberapa buah kerajaan2 besar itu muncul pula sa-buah kerajaan ia-itu Kerajaan Melayu Melaka. Kerajaan ini telah menjadi suatu kuasa besar di-sabalah Timor ini sa-lama kira2 satu abad ia-itu dari abad yang ke-14 hingga ke-15.

Dalam lengkongan abad inilah Negeri Brunei Tua mula mendirikan asas kerajaan dan terlepas dari pemerintahan Kerajaan Majapahit, ia-itu pada zaman negeri kita julong2 kali mempunyai sa-orang raja yang bergelar Awang Alak Betatar atau Sultan Mohammad.

Dalam pemerintahan Awang Alak ini-lah juga Ugama Islam mula berkembang di-alam Brunei Tua.

Menurut penyelidekan ahli2 tawarikh kita dan juga dari cherita2 kesah raja2 Brunei bahawa Awang Alak Betatar berasal dari Minangkabau dan telah datang ka-Brunei bersama2 dengan pengiring2-nya untuk membuka negeri.

◆ Dari mana-kah asal usul kebudayaan yang kita katakan kebudayaan Brunei; dan ada-kah kebudayaan asli kita itu telah menerima pengaruh asing sama ada dari luar mau pun dalam negeri? Untuk memecahkan soalan ini, mari-lah bersama2 mengikuti apa kata penulis ruangan ini tatkala mengkaji asal usul orang2 kita Melayu dengan kebudayaan-nya.

jaya dapat mengadakan undang2 negeri yang kita gelarkan "Adat Minangkabau". Adat atau kebudayaan ini di-pegang tegoh oleh bangsa itu dan hingga sekarang pun maseh lagi terdapat ia-nya di-amalkan.

Di-antara bangsa2 ini-lah yang

baru. Kerana pada waktu itu tidak ada bukti bahawa negeri kita Brunei ini ada di-diami atau telah menjadi sa-buah negeri yang boleh menyebabkan pedagang2 tertarek untuk mendatanginya, istimewa pula untuk urusan2 perniagaan.

Jika pun ada penduduk2-nya hanya-lah puak2 "liar" yang sekarang di-dapati tinggal di-pedalaman2 atau di-tempat2 yang jauh dari pantai Borneo, seperti di-kaki2 gunung dan bukit yang tinggi2.

MINANGKABAU


Ke-istimewaan yang nyata bagi bangsa Minangkabau ada-lah dalam bidang pertukangan emas, perak, dan juga dalam pertukangan kayu atau batu.

Dalam bidang perniagaan mereka telah dapat menyaingi bangsa2 China, Arab dan India pada zaman itu. Di-Daerah Sumatera Barat umpama-nya hingga sekarang ini pun perniagaan kebanyakaan-nya ada-lah di-tangan anak negeri dan hanya sa-dikit2 sahaja saudagar2 bangsa asing di-Kota Bandong.

Orang2 Minangkabau ada-lah chermat, rajin berusaha dan kuat pula menuntut ilmu dunia dan akhirat.

Beraleh kapada apa yang dikatakan oleh sa-orang pakar tawarikh Filipina Dr. Gregorio E. Zaide, dalam buku-nya yang bernama "Philippine History and Civilisation" atau Tawarikh Filipina dan Perkembangan, beliau ada mengatakan bahawa orang2 yang bijak-pandai di-Filipina ada-lah kebanyakan-nya berasal dari Brunei. Jadi, tidak-lah kita dapat menapikan bahawa dengan tidak ragu2 lagi penduduk2 Brunei berasal dari keturunan Bangsa Minangkabau.

(BERSAMBONG)



Pemandangan dalam satu istiadat bergelar bagi sa-orang yang di-anugerahi nama menjadi Pehin . . . (nama gelaran). Sa-sudah CHIRI di-bachakan, maka orang yang di-gelar itu pun melakukan istiadat berziarah mula2 kapada Sultan dan sa-terus-nya bergilir2 kapada pembesar2 yang lain menurut susunan beradat.

OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

Bukti asal usul orang Brunei ini dapat lagi di-perkuatkan dari segi adat istiadat dan pakaian orang besar2 di-Brunei ada-lah sama seperti apa yang terdapat di-Minangkabau. Gelaran2 yang ada di-Brunei pun kebanyakannya sama seperti gelaran2 yang di-gunakan di-Minangkabau.

Sa-bagaimana saya sebutkan tadi bahawa Kerajaan Melayu Melaka telah mempunyai kuasa besar dari abad yang ke-14 hingga ke-15. Dalam tempoh pemerintahan ini-lah kerajaan tersebut berkembang hingga hampir2 ka-semua gugusan kepulauan Melayu, seperti pulau2 Riau, Bangka, Belitung dan lain-lain, dan bahagian pantai Timor Pulau Sumatera di-daerah2 Siak, Kampar, Inderagiri, dan di-Pantai Selatan pula seperti daerah2 Jambi dan sa-bahagian kecil Daerah Palimbang.

Dari Inderagiri Bangsa Melayu itu mudok menduduki hingga ka-Danau Singkarak dan menatap di-daerah itu. Mereka ini-lah yang menjadi suku Melayu Minangkabau yang mempunyai pusat kerajaan-nya di-Pagar Ruyong.

Maka akan Kerajaan Minangkabau ini sa-makin sa-hari dan sa-makin lama bertambah luas dan terator, dan akhir-nya ber-

ternampak kemajuan-nya, baik dalam segi ilmu pengetahuan, pertukangan dan mau pun dalam bidang perniagaan. Dengan yang demikian itu-lah banyak antara mereka itu keluar merantau dengan urusan2 perniagaan ka-daerah2 yang lain di-Indonesia sekarang ini, ka-Malaya, dan sa-tengah2-nya ka-tempat2 di-Pulau Borneo kita ini.

BUKA NEGERI

Tetapi menurut selidekan kita bahawa kedatangan mereka ka-Brunei bukan-lah sa-mata2 untuk berniaga. Mereka datang dengan tujuan membuka negeri

Khemah Brunei Di-Arfah

BANDAR BRUNEI.—Jawatan Kuasa Jema'ah Penaschat Haji, Negeri Brunei telah berjaya mengutip wang sa-banyak \$8,000 dari umat Islam di-seluruh Brunei untuk membeli 10 buah khemah bagi kegunaan jema'ah2 Haji dari Brunei di-Arfah sa-bagai menggantikan khemah2 yang lama yang keadaan-nya tidak begitu baik lagi.

Wang tersebut telah di-serahkan oleh Pengurus Jawatan Kuasa tersebut, Yang Amat Mu-

lia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin kapada Pengurus, Sharikat Hong Kong dan Shanghai Bank di-Bandar Brunei, Inche I.F. Sutherland sa-bagai wakil pembeli khemah2 tersebut dalam satu upacara yang telah di-langsungkan di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei pada pagi hari Isnin 2 Mach.

Tiap2 khemah itu boleh ditumpang oleh di-antara 10 dan 15 orang. Khemah2 itu akan di-gunakan sa-bagai wakaf.

Keputusan Pepereksaan Trengkas

(Dari Muka 1)

Peringkat Permulaan ada-lah seperti di-bawah ini:

Hamdan bin Haji Nawang (lulus), Kamis bin Mohamed Ali (lulus), Zainuddin bin Kula (istimewa), Asmah binte Ali Ahmad (istimewa), Dayangku Seri Alam binte Pengiran Ahmad (lulus).

Marhani binte Abdul Latif (lulus), Johari bin Omar Ali (lulus), Yusof bin Omar Ali (lulus), Wan Abdul Rahman Wali (lulus), Mornee bin Sanai (lulus). Pengiran Tuah bin Pengiran Muhamad (lulus), Hassan bin Louis (istimewa).

PERINGKAT MENENGAH
Mohammed Salleh bin Metasan (lulus), Abdul Samad bin Omar (lulus), Zainal bin Mohamed Taha (istimewa), Julaihi bin Mohamed Daud (lulus).

Ibrahim bin Abdul Latiff (lulus), Abdul Latiff Jeruddin (lulus) Zaine bin Daud (istimewa),

Mohamed Diah bin Abu Bakar (lulus).

PERINGKAT TERTINGGI

Mohamed Tahir bin Metasan 140 perkataan sa-minit (lulus), Mohamed Tamit bin Haji Mangol, 130 perkataan sa-minit, (lulus) dan Basir bin Mohamed Salleh, 130 perkataan sa-minit (lulus).

PANCHARAGAM PULIS BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pancharagam Pulis Brunei, di-bawah pimpinan Pengarah-nya yang baharu, Inche G.R. Crowhurst, telah mengadakan satu pertunjukan bertempat di-Pentas Pancharagam Pulis di-sini pada petang 1 Mach.

Pancharagam Pulis itu telah bermain berbagai2 lagu yang merdu dengan memperolehi tepok sorak oleh para penonton dari berbagai2 bangsa.

MAJLIS RAMAH TAMAH



BANDAR BRUNEI. — Satu majlis ramah tamah telah di-adakan dengan jaya-nya apakala Persatuan Belia Bandar Brunei merayakan sambutan Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Kong Hee Fatt Choi, di-Brunei Sports Club pada malam 21 Februari lepas.

Kedua2 hari raya yang jarang benar berjumpa itu, telah jatuh pada minggu yang sama dalam bulan Februari.

Sambutan yang telah di-hadiri oleh ahli2 persatuan itu sendiri, pemimpin2 persatuan2 di-Bandar Brunei dan jemputan2 khas itu mengandongi berbagai2 jenis tarian Timor dan Barat, dan lakunan pendek.

Jamuan makan kecil telah juga di-edarkan dalam temasha tersebut.

Sa-panjang perayaan, majlis ramah tamah itu telah di-hiburkan dengan permainan bunyi2an oleh pancharagam "Bunga Tanjong Hiboran Party", pimpinan Ibrahim Haji Salleh.

Gambar di-atas telah di-ambil

tatkala jamuan makan kecil sedang di-edarkan.

BATU 'AJONG SI-UNTAK'



Batu apa-kah yang tuan2 lihat dalam gambar ini (atas)? Batu ini ia-lah antara kelompok2 batu dudok-nya antara rumup2 pokok nipah, tidak jauh dari Pekan Tutong. Tidak-kah tuan2 memikirkan bahawa kedudukan batu itu ganjil?

Batu ini merupakan sa-olah2 sa-buah "kapal" yang telah terbalek (karam). Batu ini di-gelar orang batu AJONG SI-UNTAK. Untuk mengikuti kesah cherita batu yang ganjil kedudukan dan bentok-nya ini, tunggu-lah keluaran Pelita Brunei akan datang

Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Brunei

BANDAR BRUNEI.—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-

Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan tersebut adalah seperti di-bawah ini:

Hari Juma'at 6 Mach: (a) Masjid Labi, Ulu Belait dari pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari dan (b) Kampong Sungai Besar, Daerah Brunei mulai dari pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4.30 petang.

Hari Juma'at 13 Mach: (a) Kampong Layong, Tutong dari pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari dan (b) Kampong Pengiran Tajuddin Hitam, Daerah Brunei dari pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4 petang.

Hari Juma'at 20 Mach: (a) Masjid Kampong Salar, Batu 6 Jalan Muara dari pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang dan (b) Kampong Bakut Pengiran Si-Raja Muda "A", Daerah Brunei dari pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4 petang.

Hari Juma'at 27 Mach: (a) Masjid Pekan Seria dari pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari dan (b) Sekolah Melayu Piasau2, Daerah Temburong mulai dari pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4 Mach hingga ka-hari Selasa 17 Mach, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
4	4.58	5.13	12.39	3.58	6.38	7.50
5	4.58	5.13	12.38	3.57	6.38	7.50
6	4.58	5.13	12.38	3.57	6.38	7.50
7	4.58	5.13	12.38	3.57	6.38	7.50
8	4.58	5.13	12.37	3.56	6.37	7.49
9	4.58	5.13	12.37	3.56	6.37	7.49
10	4.57	5.12	12.37	3.55	6.37	7.49
11	4.57	5.12	12.37	3.55	6.37	7.49
12	4.57	5.12	12.37	3.55	6.37	7.49
13	4.57	5.12	12.36	3.54	6.37	7.49
14	4.57	5.12	12.36	3.54	6.37	7.49
15	4.57	5.12	12.36	3.54	6.37	7.49
16	4.56	5.11	12.35	3.53	6.36	7.48
17	4.56	5.11	12.35	3.53	6.36	7.48

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SEJARAH TRENGKAS

(Oleh Abu Naim Mohd. Said)

- SAMBONGAN -

BELIAU menambah kata bahawa system2 yang seperti ini akan dapat membawa perubahan2 yang istimewa dalam dunia Trengkas pada masa2 yang akan datang.

Antara lain2 system Trengkas yang mashor penggunaan-nya dan mempunyai perubahan2 yang luar biasa, ia-lah Trengkas System Gregg.

Nama penoh penchipta itu ialah DOCTOR JOHN ROBERT GREGG.

Kalau kita mengkaji riwayat hidup-nya di-bawah ini dengan teliti maka dapat-lah kita memahami bahawa John Robert Gregg ia-lah sa-orang peminat seni Trengkas yang tulin dan termuda sekali dalam so'al mempelajari Trengkas.

Sebelum beliau berjaya menchipta system beliau sendiri, beliau telah mempelajari beberapa banyak system Trengkas yang terdahulu daripada-nya dan memetek apa yang menarek hati beliau.

TAYLOR SYSTEM

Sa-bagai langkah pertama, beliau telah mempelajari Taylor System, sa-jenis system yang dipetek oleh Odell. Di-masa itu Gregg sedang berumur 10 tahun.

Dalam system ini Gregg telah tertarek hati dengan gurisan2-nya yang tidak mempunyai bentuk tebal dan tipis dan tidak mempunyai kedudukan huruf yang khas seperti system Pitman.

Gurisan2 yang di-gunakan dalam

system ini ada-lah panjang tetapi boleh di-tulis dengan lancar.

Kemudian Gregg telah mempelajari System Pitman. Setelah di-selidiki dengan teliti maka keseluruhan-nya tidak menarek hati beliau melainkan chara phonic dan bangunan gurisan2-nya yang rengkas.

SYSTEM PERANCHIS

Selepas itu Dr. Gregg telah mempelajari System Peranchis ia-itu Duploye dan dari system ini beliau telah tertarek hati dengan saksi2 yang dapat di-gunakan mengikut bunyi sa-satu perkataan.

Yang akhir sekali beliau telah mempelajari System Jerman ia-itu Gabelberger.

Beliau telah tartarek hati dengan chara menchundongkan gurisan2 yang berkeadaan semula jadi atau natural. Di-masa itu beliau sedang berumur lebeh kurang 15 atau 16 tahun dan sedang berkerja di-sebuah pejabat Undang2 di-Glasgow, Scotland.

Setelah mengkaji dan mempelajari system2 yang di-atas tadi maka Dr. Gregg pun memulakan kerja2-nya untuk mereka gurisan2 untuk di-gunakan dalam Trengkas-nya.

Hasil rekaan yang pertama telah tidak dapat memuaskan hati beliau, di-sebabkan gurisan2-nya

maseh dalam keadaan yang kasar dan kaku lagi.

Beberapa perkara telah terpaksa di-ubah terutama sekali dalam soal gurisan2.

Dalam rekaan itu beliau telah chuba untuk mengelak daripada membuat gurisan2 tebal dan tipis dan juga kedudukan gurisan2.

Semasa dalam perchubaaan lagi Dr. Gregg telah mendapati bahawa sambongan2 yang berbentuk sudut (angles) ada-lah mendatangkan kelambatan dan kekok dalam menulis-nya.

Kesulitan ini telah dapat diatasi dengan sechra membuang segala sambongan yang berbentuk sudut itu, ia-itu yang boleh sahaja, dan menggantikan dengan lengkongan2 yang senang di-tulis mengikut aliran tangan.

Sambongan antara satu huruf dengan satu huruf yang lain maseh lagi menjadi satu soal kepada beliau, tetapi ini segera pula diatasi apabila beliau berjaya me-reka gurisan2 yang tidak bertentang bangunan-nya dan dapat di-sambong dengan senang dan lancar.

PENYELIDEKAN

Berikutan dengan penyelidekan yang telah di-buat-nya katatas system2 yang di-terangkan kan di-atas tadi, maka timbul-lah beberapa lunas2 atau prinsip2 yang telah menjadikan system-nya itu ia-itu:

- (a) Membuat gurisan2 yang halus,
- (b) tidak tebal dan nipis,
- (c) tidak di-tentukan kedudukan gurisan2
- (d) saksi2 bersambong,
- (e) menulis ka-arrah satu chondong sahaja seperti tulisan rumi,
- (f) mengelak daripada membuat sudut2 dan
- (g) bebas daripada membuat rengkasan2 (abbreviation).

REKAAN2

Setelah membuat beberapa banyak rekaan2, maka terbit-lah satu fikiran baru dari beliau ia-itu bagaimana menyambong huruf2 biasa dengan senang dan pantas. Perkara ini di-selidiki oleh beliau dengan teliti dan membuat beberapa perchubaaan dengan membuat potongan2 huruf yang beratus2 banyak-nya.

Akhir-nya beliau telah berjaya menerbitkan huruf2 a b c (alphabet) bagi di-gunakan dalam Trengkas beliau sebagaimana yang ada pada masa ini yang telah dapat di-terjemahkan kepada beberapa bahasa yang tidak kurang dari 16 bahasa.

System ini telah di-chuba oleh beliau sendiri dengan menchatir ucapan2 dan ranchana2 yang di-petek dari surat2 khabar.

Dengan daya usaha yang tidak mengenal bosan atau pun gagal itu, maka beliau telah mendapati bahawa system beliau itu adalah chekap dan boleh di-tulis dengan lichin dan lancar, walau pun gurisan2-nya pada masa itu itu maseh di-dalam keadaan yang kasar lagi.

KEJAYAAN

Atas kejayaan-nya ini beliau telah berchita2 untuk membukukan system beliau itu.

Dengan pinjaman wang sa-banyak £10 dari sa-orang abang-nya, maka beliau pun mula mengchap system-nya itu dengan sechra kepingan sa-banyak 500 salinan untuk sidang umum. Kepingan2 itu telah di-chap pada 28 Mei, 1888.

KESULITAN

Sa-telah mengatasi beberapa kesulitan, maka pada tahun itu juga beliau telah mula mengajar system-nya itu kepada penuntut2-nya.

Kejayaan dan kechekapan system-nya itu telah dapat di-buktikan dengan nyata apabila sa-orang daripada penuntut2nya, ia-itu MR. EDWARD J. DEASON telah berjaya menchatir dalam sa-buah dewan dengan kepantasan 200 perkataan sa-minit daripada ranchana yang di-bachakan lebeh sedikit dari tempoh 6 minit. Ini telah menguatkan semangat keperchayaan Dr. Gregg bahawa system-nya ini mempunyai harapan besar di-masa yang akan datang.

(BERSAMBONG)

PERPINDAHAN



SOKAN KANAK2 PEGAWAI2 DAN ANGGOTA2 PULIS

PANAGA.—Kira2 500 orang kanak2 Pegawai2 dan anggota2 Pulis di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Sokan yang di-khaskan kepada kanak2 Pegawai2 dan anggota2 Pulis tersebut dalam minggu yang lalu.

Pertandingan Sokan tersebut telah di-adakan di-Padang Ibu Pejabat Pulis Daerah Belait di-Panaga pada petang hari Juma'at 28 Februari, sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Ramai ibu-bapa serta keluarga kanak2 tersebut dan lain2 orang telah menyaksikan kanak2 itu berlumba.

Kanak2 itu terdiri dari umur sa-tahun hingga ka-dua belas tahun, lelaki dan perempuan, telah bergembira ketika mereka mengambil bahagian dalam berbagai2 jenis perlumbaan yang telah di-adakan.

Sa-sudah tamat pertandingan tersebut, Setia Usaha pertandingan itu, Inspektor dalam latehan Thani Abdul Hamid telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih atas kehadiran ramai ibu-bapa dan keluarga kanak2 tersebut dan lain2 orang yang telah menyaksikan pertandingan itu.

PERTANDINGAN TINJU DAERAH BELAIT

SERIA.—Pertandingan Tinju Daerah Belait akan di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 7 Mach mulai pada pukul 7.30 malam.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjoran Kelab Belia Seria dan Kelab Belia Kuala Belait.

Bayaran untuk menonton temasha tersebut ia-lah Kelas Khas—dua ringgit dan Kelas Satu—sa-ringgit.

Dua puluh peratus daripada pendapatan yang di-perolehi di-temasha tersebut akan di-dermakan kepada Persatuan Tinju Negeri Brunei dan baki-nya ia-lah untuk Tabong Derma Kelab2 Belia tersebut.

JOHAN TINJU SA-DUNIA DAPAT \$5,850,000

MIAMI BEACH, Florida.—Cassius Clay, sa-orang Negro Islam berumur 22 tahun, telah mengalahkan Sonny Liston, sa-orang Negro berumur 30 tahun, dalam Pertandingan Tinju Kejohanan Saluruh Dunia Bahagian "Heavyweight".

Pertandingan tinju itu telah di-adakan di-gelanggang tinju di-Miami Beach pada malam 25 Februari, 1964. 8,297 orang dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan pertandingan itu.

Maka dengan kemenangan-nya itu, Cassius Clay akan mendapat kira2 \$5,850,000 wang Malaysia yang di-perolehi dari Television, Film, bayaran menonton pertandingan itu dan sa-bagai-nya.

rah Belait Inche Ibrahim Hamzah yang telah sudi hadir katemasha sokan tersebut untuk menyampaikan hadiah2 kepada kanak2 yang berjaya.

Sa-lepas Inspektor Thani melafadzkan ucapan beliau, maka Puan Rokiah pun menyampaikan hadiah2 itu.

Kemudian sa-orang kanak2 perempuan telah menyampaikan chenderamata berupa bunga2 orkid kepada Puan Rokiah.

Pelateh Sokan Dari Amerika Melateh Di-Brunei

BERAKAS.—Inche Bill Miller, sa-orang pelateh sokan dari Amerika Sharikat yang pada masa ini menjadi sa-orang Pengarah Penasehat "Asia Foundation" kepada Jawatan Kuasa Pelateh, Kesatuan Sokan Malaysia telah tiba di-Negeri Brunei dari Sibru dengan kapal terbang pada petang 26 Februari yang lalu.

Beliau telah di-temui di-Lapangan Terbang Brunei oleh Naib Yang Dipertua, Persatuan Sokan Daerah Brunei, Inche Norman Bradbury dan beberapa orang Pegawai Persatuan Sokan Negeri Brunei.

Ini-lah kali yang pertama Inche Miller melawat ka-Negeri Brunei.

Inche Miller telah mengadakan kursus latehan-nya di-Maktab Anthony Abell, Seria untuk peserta2 dan pelateh2 sokan di-

Daerah Belait mulai dari 27 Februari.

Mulai dari esok, 5 Mach hingga ka-12 Mach, Inche Miller pula akan mengadakan kursus tersebut untuk peserta2 dan pelateh2 sokan di-Daerah Brunei bertempat di-Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas.

Kursus latehan tersebut di-mulai dari pukul 3.30 petang hingga ka-pukul 6.30 petang pada tiap2 hari.

Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi

KUALA BELAIT.—Yang Berhormat Pehin Bendahari China, Hong Kok Tin telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait, kali yang ke-dua dari musim ke-tiga, di-dewan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait baharu2 ini.

Dalam ucapan-nya, Yang Berhormat Pehin Bendahari China telah mengucapkan "Selamat bersidang dan maju jaya" serta berharap sa-moga persatuan tersebut akan berjaya dalam berbagai2 lapangan kemasharakatan.

Terlebeh dahulu, Yang Dipertua, Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait, Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Haji Abang Bujang telah mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat

Pehin Bendahari China yang telah sudi hadir di-majlis tersebut untuk merasmikan pembukaan Mashuarat Agong, Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait.

Abang Abu Hanifah tegaskan dalam ucapan-nya di-majlis tersebut bahawa sa-barang bangsa tidak-lah akan maju, sa-kira-nya bangsa itu melemahkan bangsa-nya sendiri.

Abang Abu Hanifah pula telah berseru kepada semua ahli2



Gambar ini telah di-ambil di-hadapan dewan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait baharu2 ini sa-lepas Yang Berhormat Pehin Bendahari China Hong Kok Tin merasmikan Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait.

TINJU:

Sabah Melawan Brunei 21 Mach

BANDAR BRUNEI.—Beberapa orang ahli2 tinju yang terkenal di-Sabah akan tiba di-Brunei dalam bulan ini untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Tinju dengan ahli2 tinju di-Negeri Brunei.

Demikian menurut keterangan Setia Usaha Persatuan Tinju Negeri Brunei, Inche S. Palaniandy dalam satu pertemuan antara sa-orang Wartawan Akhbar ini dengan-nya pada petang hari Sabtu yang lalu.

Dalam pertemuan itu, Inche Palaniandy berkata bahawa Pertandingan Tinju antara ahli2 tinju dari Sabah dengan ahli2 tinju dari Negeri Brunei akan di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 21 Mach.

Inche Palaniandy, selanjut-nya berkata bahawa ahli2 tinju yang akan mewakili Negeri Brunei dalam pertandingan tinju tersebut akan di-pilih dari peserta2 yang telah berjaya dalam Pertandingan Tinju di-Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu dan juga peserta2 yang akan berjaya dalam Pertandingan Tinju yang akan di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 7 Mach.

P.G.M.P.P. Kuala Belait supaya mereka bekerjasama dalam berbagai lapangan yang berfaedah untuk kemajuan persatuan itu.

Pegawai2 baharu Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait yang telah di-lantik dalam mashuarat tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua: Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Haji Abang Bujang. Naib Yang Dipertua: Puan Normah Alihasan.

Setia Usaha Kehormat: Inche Mahari Mohamed Said. Penolong Setia Usaha: Dk. Noralam binte Pengiran Mahmud.

Bendahari: Inche Hasan bin Louis. Pemereksa Kira2 nInche Johari Imam Omar Ali dan Inche Zamhari bin Ali Hasan.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Inche Mohd. Shah bin Imam Ahmad, Awang Damit bin Taha, Inche Imran Haji Hashim, Puan Dayang Kamariah binte Pengiran Mon, Puan Indut Lamat dan Puan Rohani binte Abdul Rahman.

Sementara itu P.G.M.P.P. telah membentuk beberapa buah Jawatan Kuasa Kechil, saperti di-bawah ini:

- (a) Jawatan Kuasa Sokan
- (b) Jawatan Kuasa Penerangan
- (c) Jawatan Kuasa Peranchang
- (d) Jawatan Kuasa Kebajikan dan Kemasharakatan
- (e) Jawatan Kuasa Seni dan Budaya.

Jawatan2 Kuasa tersebut telah mengadakan mashuarat masing2 dan melantek anggota2-nya.

PENGURUSI J.K. DERMA HARI RAYA

Mengucapkan Terima Kasih Kapada Penderma2

BANDAR BRUNEI—Pengurus, Jawatan Kuasa Derma Hari Raya Aidil Fitri Bagi Tahun 1964 Kapada Anak2 Yatim, Orang2 Sakit dan Banduan2, ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin mengucapkan ribuan terima kasih kapada Pegawai2 dan kaki-tangan2 Kerajaan, sharikat2 perniagaan serta orang ramai yang telah menderma wang untuk tabong derma tersebut.

Beliau telah juga mengucapkan berbilang2 terima kasih terhadap kerjasa Ketua2 Pejabat dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dalam usaha melaksanakan rancangan derma tersebut.

Menurut keterangan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, orang ramai di-Daerah Brunei telah mendermakan wang untuk tabong derma tersebut pada tahun ini ia-lah sa-banyak \$1,380.

Akan tetapi, jumlah perbelanjaan

SHARIKAT MINYAK MENGHADIAHKAN

ALAT2 PEMBESAR SUARA

BANDAR BRUNEI—Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan menghadiahkan alat2 pembesar suara kapada dua buah Masjid di-Negeri Brunei dalam bulan ini.

Masjid2 itu ia-lah Masjid Bokok di-Daerah Temburong dan Masjid Lumapas di-Daerah Brunei.

Alat2 pembesar suara tersebut akan di-sampaikan bagi pihak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad oleh wakil Sharikat Minyak itu di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates kapada Masjid Bokok pada pagi hari Juma'at 6 Mach dan kapada Masjid Lumapas pada pagi hari Juma'at 20 Mach.

jaan pada tahun ini, ia-lah sa-banyak \$1,969.40 kata beliau.

Jadi-nya wang kekurangan sa-banyak \$589.40 telah di-perolehi dari baki pendapatan pada tahun lalu, beliau menjelaskan.

Pada masa sambutan Hari

Raya Aidil Fitri tahun ini, Jawatan Kuasa derma tersebut telah mendermakan wang sa-banyak \$1,475 kapada anak2 yatim di-kawasan Bandaran dan Kampong Ayer, ia-itu seramai 295 orang anak2 yatim telah menerima wang sa-banyak \$5 sa-saorang.

Jawatan Kuasa tersebut telah menghadiahkan kueh2 Hari Raya, buah2an dan lain2-nya kapada 145 orang sakit di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei dan kapada 36 orang banduan2 di-Penjara Jerudong.

Jumlah perbelanjaan untuk orang2 sakit dan banduan2 tersebut ia-lah sa-banyak \$494.40

Pelanchong2 Amerika Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI—Sa-rombongan 12 orang pelanchong2 dari Amerika Sharikat telah melawat ka-Negeri Brunei selama kira2 24 jam baharu2 ini dalam bidang lawatan mereka mengelilingi dunia.

Para pelanchong tersebut, mengandongi 8 orang perempuan dan 4 orang lelaki—kebanyakan-

nya hartawan2 belaka, telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Cathay Pacific dari Hong Kong pada petang 24 Februari.

Dalam masa lawatan mereka ka-Negeri Brunei, para pelanchong tersebut telah melawat ka-Istana Darul Hana, Istana Tetamu, Masjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan ka-lain2 tempat.



Sa-bilangan pelanchong2 dari Amerika Sharikat bergambar dengan tiga orang yang lain pada masa pelanchong2 tersebut melawat ka-Istana Darul Hana baharu2 ini.



BRIGADIER PATTERSON
Brigadier A.G. Patterson O.B.E., M.C. telah di-kurniakan "Distinguished Service Order" oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen baharu2 ini terhadap perkhidmatan-nya yang cemerlang pada masa berlalu penderhakaan di-Borneo dalam bulan Disember tahun 1962.

MALAM ANEKA WARNA K. M. S.

SERIA—Kelab Melayu Shell, Seria telah menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mempersembahkan temasha Malam Aneka Warna di-dewan kelab itu pada malam 22 Februari yang lalu.

Bintang Radio Brunei Tahun 1964, Norleha Mohamed Noor serta Bintang Radio Brunei Tahun 1963, Julia Chee dan beberapa orang penyanyi tempatan yang terkenal telah memperdengarkan suara mereka di-temasha tersebut.

Sa-lain dari itu tarian2, drama, lakonan2 jenaka dan permainan silap mata telah juga diadakan di-temasha tersebut.

Pancharagam Lima Serangkai, di-bawah pimpinan Jack Keasberry telah bermain di-majlis itu.



Pertandingan Bintang Radio Seluruh Brunei Tahun 1964 telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam 17 Februari yang lalu dengan memperolehi kejayaan yang gilang gemilang. Ahli2 Pancharagam yang telah bermain di-majlis itu ia-lah Inche Sharif Ismail (terkenal sebagai Kamran Shah), Inche Idris Isa, Inche A. B. Suhaili, Inche Abdullah Haji Sabli, Inche Sabli Hitam dan Inche M.A. Zainal. Gambar ini telah di-ambil sa-lepas di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio tersebut. Berita pertandingan itu telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 19 Februari.